



KEMENTERIAN KERJA RAYA

KENYATAAN MEDIA

SEKSYEN 1 LEBUHRAYA PESISIRAN PANTAI BARAT (WCE) MULA DIBUKA KEPADA PENGGUNA

BANTING, SELANGOR – Menteri Kerja Raya, YB Dato Sri Alexander Nanta Linggi hari ini telah merasmikan pembukaan Seksyen 1, Persimpangan Bertingkat Banting ke Persimpangan Bertingkat SKVE, Lebuhraya Pesisiran Pantai Barat (WCE).

2. Lebuhraya WCE Seksyen 1 ini melibatkan jajaran sepanjang 12.5 kilometer yang menghubungkan Jalan Dengkil - Banting (FT31) ke Lebuhraya SKVE. Jajaran ini akan dibuka secara rasmi kepada pengguna lebuhraya bermula dari jam 12.01 tengah malam pada 31 Ogos 2024 (Sabtu).

3. Lebuhraya WCE merupakan lebuhraya antara bandar merentasi bahagian pantai barat Semenanjung Malaysia menghubungkan Changkat Jering di negeri Perak (Utara) ke Banting negeri Selangor (tengah) sepanjang 314.5 km. Lebuhraya ini melalui destinasi utama seperti Beruas, Sri Manjung, Sitiawan, Teluk Intan, Bagan Datuk, Hutan Melintang di negeri Perak dan Sabak Bernam, Tanjong Karang, Kuala Selangor, Klang, Shah Alam dan Banting di Selangor.

4. Seksyen 1, Lebuhraya WCE ini yang bersambung ke Lebuhraya Lembah Klang Selatan (SKVE) bakal memberi manfaat kepada Rakyat Madani terutama pengguna di sekitar Banting sebagai laluan alternatif ke bandar-bandar utama di selatan Lembah Klang seperti Putrajaya, Bangi dan Kajang.

5. Pembukaan Seksyen 1 Lebuhraya WCE ini akan meningkatkan kecekapan perjalanan bagi pengangkutan barangan dan menjimatkan kos operasi bagi syarikat-syarikat perindustrian yang menjalankan operasi di dalam jangkauan lebuhraya ini. Ianya akan menjadi jalinan keterhubungan yang utama bagi kenderaan berat dan komersil yang membawa barangan dari pelabuhan utama seperti Pelabuhan Klang dan Pelabuhan Lumut ke Lapangan Terbang KLIA.

#Tamat#

KEMENTERIAN KERJA RAYA
30 OGOS 2024